

Penambahbaikan TVET lahir graduan berkemahiran tinggi serba boleh

Kuala Lumpur: Peruntukan terbesar disalurkan kerajaan kepada keperluan pendidikan negara dalam Belanjawan 2020, termasuk kepada bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), mampu melahirkan generasi yang lebih berpengetahuan, berkemahiran dan berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan kerjaya.

Bagi Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), dana RM200 juta diagihkan kerajaan kerajaan kepada bidang TVET, mampu menambah baik kemu-

dahan dan keperluan pendidikan bidang itu.

Presidennya, Datuk Shamsuddin Bardan, berkata jumlah peruntukan itu membolehkan lebih ramai lepas bidang kemahiran TVET pada peringkat sekolah dilahirkan.

"Kelayakan mereka meneruskan pengajian di institusi dan kursus berteraskan bidang TVET membantu menghasilkan lebih ramai graduan berkemahiran tinggi.

"Graduan ini dapat menepati kehendak sektor pekerjaan dan memenuhi kemahuan majikan

yang pada masa ini bukan sahaja mementingkan akademik dan nilai positif diri, tetapi juga pekerja berkemahiran tinggi," katanya kepada *BH Skor*.

Datuk Shamsuddin berkata, sektor pekerjaan di seluruh dunia pada masa ini tidak sama dengan beberapa tahun lalu, memandangkan wujud perkembangan teknologi dan inovasi dalam bidang terbahit.

Perkembangan itu, katanya, menuntut majikan bersaing bagi memenuhi keperluan semasa dan kekal relevan dalam bidang dita-



Datuk Shamsuddin.

warkan mereka.

Bagi mencapai misi, pihak majikan mencari tenaga kerja mahir yang mampu menjalankan tugas secara teori dan praktikal pada masa sama.

"Disebabkan ini, di hampir semua negara maju dan membangun, pendidikan berteraskan TVET giat dikembangkan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja, selain sektor pekerjaan.

"Graduan bidang ini memiliki pengetahuan asas teori dan berkebolehan mengendalikan skil dengan baik," katanya.